

PNKB bakal miliki dua bot bernilai RM2 juta

SH 2/7/2019 M/S 37

KUALA BESUT - Persatuan Nelayan Kawasan Besut (PNKB) bakal memiliki dua bot nelayan bernilai RM2 juta yang dijangka beroperasi awal tahun depan.

Pengerusinya, Tengku Harun Tengku Ismail berkata, kedua-duanya adalah bot nelayan kelas C iaitu sebuah bot pukat jerut dan bubu.

Menurutnya, bot pukat jerut masih dalam pembinaan di Pulau Rusa, Kuala Terengganu manakala bot bubu dijangka beroperasi pada Januari tahun depan.

"Bot pukat jerut akan mengambil tempoh pembinaan lebih lama dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun

depan," katanya semalam.

Tengku Harun berkata, pemilikan tersebut menjadikan PNKB sebagai persatuan nelayan pertama di negeri ini mempunyai bot nelayan sendiri.

Menurutnya, aset tersebut bukan sahaja memberi peluang pekerjaan kepada nelayan tempatan tetapi dapat menjana pendapatan kepada persatuan.

"Kita juga yakin bot ini dapat memberi kemudahan kepada ramai ahli."

"Kita dapat pinjaman tanpa faedah daripada kerajaan dan berharap lebih banyak manfaat dapat diperoleh persatuan selepas ini," katanya.



Tengku Harun (duduk, tengah) bersama ahli PNKB dan kakitangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PNKB semalam.